

16/04/2002

Perkhidmatan tertutup akan dikaji semula

CYBERJAYA, Isnin - Kerajaan akan mengkaji semula bentuk "khidmat tertutup" seperti dalam perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan majlis perbandaran kerana ia tidak memberi banyak peluang kenaikan pangkat bagi kakitangannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berikutan itu, kakitangan mudah bosan kerana berasakan tiada masa depan bagi mereka dan ia tidak memberi galakan moral untuk mereka.

"Ada beberapa fungsi kerajaan yang dijalankan secara perkhidmatan tertutup seperti Parlimen. Ia mengehadkan peluang kenaikan pangkat untuk kakitangan. Oleh itu, kita akan mengkaji semula jenis khidmat tertutup ini bagi melihat sama ada ia boleh dihapuskan.

"Ini bagi membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada kakitangan am kerajaan dan pegawai dari perkhidmatan awam boleh dipindahkan untuk mengambil alih sebahagian jawatan itu dan mereka itu pula boleh dipindahkan ke jawatan lain," katanya selepas merasmikan seminar pengurusan bandar di sini hari ini.

Kira-kira 200 peserta mewakili pihak berkuasa tempatan dari seluruh negara menghadiri seminar dua hari itu anjuran Institut Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Setia Haruman Sdn Bhd iaitu pemaju utama Cyberjaya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak berpuas hati dengan kaedah perkhidmatan tertutup itu.

Bagaimanapun katanya, banyak lagi perkhidmatan tertutup lain dan sebahagiannya perlu dikekalkan kerana bidang yang lebih pengkhususan serta kepakaran tertentu.

Beliau berkata khidmat tertutup itu sering mengecewakan pegawai dan kakitangan dan ia juga menyumbang kepada amalan yang tidak baik.

"Di Malaysia ini, kita sudah menyusun pentadbiran bandar, kecil dan besar, secara teratur. Bandar-bandar ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis-Majlis Perbandaran.

"Ibu kota dan bandar-bandar utama mempunyai khidmat tertutup dan diketuai Datuk Bandar," katanya.

Ditanya mengenai masalah sesak dan kotor di bandar, beliau berkata perkara ini berlaku apabila bandar menjadi lebih besar sehingga ada bahagian tertentu yang diabaikan.

"Satu lagi ialah penduduk sendiri tidak berasa bangga dengan persekitaran mereka, tak berasa bangga dengan kediaman mereka. Kita buat rumah cantik-cantik, bentuk macam di Itali...lepas itu dia gantung seluar dalam di luar tingkap dia, jadi tak eloklah.

"Kita akan adakan tempat. Saya sudah beritahu arkitek untuk menyediakan tempat menjemur pakaian supaya tidak nampak (dari luar) dan juga untuk menempatkan semula unit pendingin hawa terutama yang kelihatan hodoh di luar, supaya diletakkan di kawasan tertentu.

"Saya rasa arkitek perlu tahu bagaimana mereka bentuk benda ini, kerja yang dilakukan bertahun-tahun. Tetapi saya masih lihat benda ini...unit pendingin hawa yang kelihatan tidak elok diletakkan di luar rumah," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata pertumbuhan bandar perlu dikawal supaya ia tidak menjadi sesak dan kotor kerana terlalu padat.

Katanya, pembangunan hendaklah teratur dan tertib, dibekalkan dengan kemudahan asas seperti elektrik dan air, jalan, pembahagian kawasan untuk

kegiatan tertentu, pelupusan sampah dan najis serta bermacam lagi kemudahan.

Katanya, apabila kawasan sudah menjadi sesak dan kotor, tidak semestinya setingan, maka membersihkan dan memperbaikinya serta memulih keadaan, amat rumit serta membabitkan kos tinggi.

"Pada masa sama, penduduk akan terganggu dan ini tidak disukai sesiapa. Mungkin ada yang akan menentang dan bertindak ganas. Semua ini menjadikan pentadbiran bandar amat rumit," katanya.

(END)